



# International Teaching Aid **Competition 2023**

Reconnoitering Innovative Ideas in Postnormal Times



**iTAC 2023**  
**INTERNATIONAL TEACHING AID COMPETITION**  
**E-PROCEEDINGS**

Copyright © 2023 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors: *Syazliyati Ibrahim, Azni Syafena Andin Salamat, Berlian Nur Morat (Dr.), Najah Mokhtar, Noor Izzati Ahmad Shafai, Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli (Dr.)*

Cover Design : *Asrol Hasan*

Layout : *Nurina Anis Mohd Zamri*

eISBN : 978-967-2948-51-3

Published by : Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,  
08400 Merbok,  
Kedah,  
Malaysia.

*Muhammad Rasli*

- |      |                                                                                                                                                                  |            |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 116. | <b>SPENDING TRACKER VIA ONLINE BANKING (SAVE4U)</b>                                                                                                              | <b>754</b> |
|      | <i>Nor Shahrina Mohd Rafien , Karlmeen Nabila Binti Sahrin, Nur Syahirah Binti Mohd Ajhi , Nur Shahirah Aina Binti Farris, Nur E'zzaty Syamimi Binti Suhaily</i> |            |
| 117. | <b>ROAMING RANGERS: A TRAVEL WEBSITE FOR ALL TYPES OF TRAVELLER</b>                                                                                              | <b>760</b> |
|      | <i>Shazmelyn Diana Syed Said, Syahirah Suraya Binti Omar , Nur Irsalina Binti Zainal, Muhammad Zahir Rashdan Bin Mhd Rashid, Mazlina Mahdzar</i>                 |            |
| 118. | <b>JUSTICE TENSES-CARD GAME</b>                                                                                                                                  | <b>764</b> |
|      | <i>Nur Anisa Amran</i>                                                                                                                                           |            |
| 119. | <b>INNOVATION OF SECONDARY PACKAGING “NASI AYAM”</b>                                                                                                             | <b>776</b> |
|      | <i>Muhammad Saifuddin Bin Muhammad Zainuddin , Mastura Omar , Shalida Mhd Rosnan, Andrialis Abdul Rahman, Ellyana Mhd Muslim Tan</i>                             |            |
| 120. | <b>THE INNOVATION OF STINGLESS BEE PACKAGING</b>                                                                                                                 | <b>782</b> |
|      | <i>Muhammad Firdaus Al-amin Bin Abdullah ,Mastura Omar, Shalida Rosnan Aezzaddin Aisyah Zainuddin, Nik Atilla Atasha Shamsuddin</i>                              |            |
| 121. | <b>MUAMALAT PLAYING CARD: INOVASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI ERA PASCANORMAL</b>                                                                       | <b>787</b> |
|      | <i>Hainnuraqma Rahim, Mhd Khairy Kamarudin, Nur Izzati Mohamad Norzilan, Nornajihah Nadia Hasbullah, Nor Arseha Karimon</i>                                      |            |
| 122. | <b>SMART WALLET</b>                                                                                                                                              | <b>793</b> |
|      | <i>Azira Amira binti Shaharudin , Aina Nabilah binti Azarudin, Khairunnisa binti Yussof, Siti Ayu Suraya Baharudin binti Abdul Hafiz</i>                         |            |
| 123. | <b>ESL SPEAK AND SMILE: E-KIT VERSION 2.0</b>                                                                                                                    | <b>799</b> |
|      | <i>Raja Nur Hidayah binti Raja Yacob, Mohd Azizi bin Ab Ghani, Mimi Mazlina binti Mohamad, Salwani binti Mohd Salleh, Nur Amalina binti Awang</i>                |            |
| 124. | <b>VIVACITY: IGNITING CAMPUS SPIRIT THROUGH DYNAMIC STUDENT RECREATION</b>                                                                                       | <b>808</b> |
|      | <i>Juliza Mohamad, Nik Nurul Hana Hanafi, Nor Hafizah Anuar, Ahmad Humaizi Hasim, Nur Zulaika Mat Pakurudin. Syed Muhamad Naufal Syed Nadzri</i>                 |            |

## **PREFACE**

iTAC or International Teaching Aid Competition 2023 was a venue for academicians, researchers, industries, junior and young inventors to showcase their innovative ideas not only in the teaching and learning sphere but also in other numerous disciplines of study. This competition was organised by the Special Interest Group, Public Interest Centre of Excellence (SIG PICE) UiTM Kedah Branch, Malaysia. Its main aim was to promote the production of innovative ideas among academicians, students and also the public at large.

In accordance with the theme "Reconnoitering Innovative Ideas in Post-normal Times", the development of novel ideas from the perspectives of interdisciplinary innovations is more compelling today, especially in the post-covid 19 times. Post-pandemic initiatives are the most relevant in the current world to adapt to new ways of doing things and all these surely require networking and collaboration. Rising to the occasion, iTAC 2023 has managed to attract more than 267 participations for all categories. The staggering number of submissions has proven the relevance of this competition to the academic world and beyond in urging the culture of innovating ideas.

iTAC 2023 committee would like to thank all creative participants for showcasing their innovative ideas with us. As expected in any competition, there will be those who win and those who lose. Congratulations to all the award recipients (Diamond, Gold, Silver and Bronze) for their winning entries. Those who did not make the cut this year can always improve and join us again later.

It is hoped that iTAC 2023 has been a worthy platform for all participating innovators who have shown ingenious efforts in their products and ideas. This compilation of extended abstracts published as iTAC 2023 E-Proceedings contains insights into what current researchers, both experienced and novice, find important and relevant in the post-normal times.

Best regards,

**iTAC 2023 Committee**

**Special Interest Group, Public Interest Centre of Excellence (SIG PICE)**

**UiTM Kedah Branch**

**Malaysia**

## **MUAMALAT PLAYING CARD: INOVASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI ERA PASCANORMAL**

Hainnuraqma Rahim,

Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Alor Gajah, Melaka

[hainnuraqma@uitm.edu.my](mailto:hainnuraqma@uitm.edu.my)

Mohd Khairy Kamarudin

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia

[mohdkhairy@utm.my](mailto:mohdkhairy@utm.my)

· Nur Izzati Mohamad Norzilan

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia

[nurizzati.mn@utm.my](mailto:nurizzati.mn@utm.my)

Normajihah Nadia Hasbullah

Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Bandaraya Melaka

[najihahnadia@uitm.edu.my](mailto:najihahnadia@uitm.edu.my)

Nor Arseha Karimon

College of Creative Art, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Alor Gajah, Melaka  
[norar414@uitm.edu.my](mailto:norar414@uitm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Muamalat merupakan salah satu bidang dalam Syariah yang menekankan aspek hubungan di antara manusia khususnya berkaitan dengan ekonomi, perniagaan dan kewangan. Terdapat pelbagai istilah yang sering digunakan dalam membahaskan hal-hal berkaitan muamalat seperti riba, gharar dan aqad. Sebagai satu usaha dalam memberikan kefahaman dan kemudahan untuk mengingat istilah-istilah tersebut, ‘Muamalat Playing Card’ merupakan salah satu inovasi yang boleh diaplikasikan. Permainan kad ini dihasilkan melalui perbincangan dalam kalangan ahli penyelidik dengan mengambilkira permainan-permainan kad yang tersedia di pasaran. Permainan ini memerlukan empat orang pemain. Manakala kad-kad ini dibahagikan kepada 12 kategori atau keluarga. Setiap kad ini akan dibahagikan kepada pemain bagi memulakan permainan. Permainan dimulakan apabila pemain mula untuk mengumpulkan setiap ahli bagi setiap kategori. Apabila telah lengkap satu kategori, kad-kad bagi kategori tersebut akan dikeluarkan. Pemain yang telah menghabisi kad, akan memenangi permainan. Permainan kad ini memerlukan pemain untuk mengingati setiap kategori yang terhadap bagi

setiap kad. Malah, setiap kad juga mempunyai definisi yang perlu dibaca dan difahami oleh setiap pemain. Pada masa yang sama, permainan ini boleh dijadikan sebagai alat bantuan mengajar dan mengisi masa lapang. Permainan ini tidak terhad kepada pelajar-pelajar, malah boleh dimainkan oleh sesiapa sahaja yang berminat. Hal ini dapat mendorong penyebarluasan ilmu berkaitan muamalat.

**Keywords:** Muamalat Playing Card, Muamalat, Kontrak, Riba

## PENGENALAN

Muamalat merupakan ilmu yang sangat penting untuk dipelajari oleh orang Islam. Ilmu yang mempelajari tentang hukum dalam suatu kegiatan atau transaksi yang dilakukan oleh manusia. Muslim perlu mempelajari muamalat agar mengetahui status transaksi khususnya melibatkan jual beli kewangan. Umat Islam kurang diberikan pendedahan tentang prinsip muamalat (Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Farhan Md Ariffin & Nasiibah Ramli, 2021). Dalam hal ini, satu kaedah pengajaran dan pembelajaran baharu perlu diperkenalkan dengan menemukan satu kaedah yang cepat dan mudah untuk diberikan pendedahan awal berkaitan ilmu muamalat. Oleh itu, satu permainan yang cepat dan mudah perlu dipraktikkan yang dikenali sebagai *Muamalat Playing Card*. Objektif *Muamalat Playing Card* diperkenalkan adalah bertujuan untuk meningkatkan minat dan pengetahuan masyarakat terhadap ilmu muamalat. Keduanya adalah untuk mencipta permainan interaktif yang berasaskan ilmiah dan santai. Ketiga pula adalah supaya masyarakat dapat mengisi masa yang terluang dengan aktiviti yang bermanfaat. Permainan kad yang menggunakan konsep-konsep muamalat dalam permainan masih kurang di pasaran. Permainan kad ini juga sangat mudah dan cepat.

## TERMA DAN DEFINISI DALAM MUAMALAT PLAYING CARD

Pelbagai warna dan gambar menunjukkan konsep muamalat yang berbeza untuk mudah memahami setiap istilah. Boleh dimainkan pada bila-bila masa seperti waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P), aktiviti Bersama rakan-rakan dan keluarga. Setiap kad juga mempunyai definisi yang perlu dibaca dan difahami oleh setiap pemain. Jadual 1 dan 2 masing-masing menujukkan terma muamalat dalam *Muamalat Playing Card* dan definisi muamalat dalam Muamalat Playing Card.

**Jadual 1:** Terma Muamalat dalam Muamalat Playing Card

Riba	Gha rar	Khiy ar	Syirkah uqud	Mudhar abah	Filant rofi	Simpa nan	Jual beli	Tempa han	Jami nan	Pembia aan masa kini	Zakat
------	------------	------------	-----------------	----------------	----------------	--------------	--------------	--------------	-------------	-------------------------------	-------

Jahiliyyah	Fahisy	Majlis	Inan	Mutlaqah	Wakaf	Wadiah Yad Dhamanah	Sarf	Salam	Takaful	Al-Ijarah Thumma Bai	Zakat pertanian
Nasi'ah	Yasir	Syarat	Abdan	Muqayyadah	Sedekah	Wadiah Yad Amanah	Murabahah	Istisna'	Kafalah	Musyarakah Mutanaqisah	Zakat Perniagaan
Fadhl		Aib	Mufawadah		Qard Al-Hasan		Bai' Bithamani Ajil		Rahn u	Tawarruq	Zakat emas dan Perak
Qard		Ta'yin	Wujuh		Hibah		Bai' Inah		Hiwalah	Komoditi murabahah	Zakat penternakan

**Jadual 2:** Definisi muamalat dalam *Muamalat Playing Card*

1	Riba Jahiliyyah - Riba yang berlaku apabila kadar atau sebarang manfaat tambahan lebih dari jumlah pokok dikenakan oleh pemberi pinjam kepada peminjam akibat si peminjam gagal membayar pada tempoh yang telah dipersetujui.
2	Riba Nasi'ah - Riba yang berlaku apabila pembayaran atau penyerahan yang tertangguh pada jual beli barang ribawi (emas dan perak (matawang) atau gandum, barli, kurma dan garam (makanan asasi)).
3	Riba Fadhl - Riba yang berlaku apabila pertukaran barang-barang ribawi (emas dan perak (matawang) atau gandum, barli, kurma dan garam (makanan asasi)), namun kadar atau sukanan yang berbeza.
4	Riba Qard - Riba yang berlaku apabila sebarang kadar atau manfaat tambahan yang lebih daripada pinjaman pokok dikenakan ke atas pinjaman tersebut dan dipersetujui semasa pinjaman dibuat, sama ada dikenakan oleh pemberi pinjam atau ditawarkan sendiri oleh peminjam.
5	Gharar Fahisy - Ketidakpastian yang terlalu nyata atau melampau dan menyebabkan kontrak terbatal. Contoh: Menjual ikan di sungai
6	Gharar Yasir - Ketidakpastian yang boleh diterima dan tidak menyebabkan kontrak terbatal. Contoh: Menjual rumah beserta perabot, namun tidak dinyatakan secara terperinci berkaitan perabot.
7	Khiyar Majlis - Hak membuat pilihan atau memilih kepada kedua-dua pihak yang berakad sama ada untuk menerima atau menolak sebarang urusniaga selagi berada dalam majlis akad serta belum berpisah daripadanya.
8	Khiyar Syarat - Hak yang diberikan semasa akad jual beli dijalankan apabila kedua-dua pihak bersetuju dengan syarat bahawa kedua-dua pihak atau salah satu pihak

	daripadanya berhak memilih sama ada jual beli itu diteruskan atau sebaliknya.
9	Khiyar Aib - Hak yang diberikan untuk tidak meneruskan akad apabila berlaku kerosakan atau barang yang dijual beli terdapat kecacatan atau tidak menepati spesifikasi yang dipersetujui dalam akad.
10	Khiyar Ta'yin - Hak yang diberikan kepada pihak berakad untuk memilih dan menentukan salah satu daripada tiga barang yang berlainan dari segi harga dan sifat barang tersebut.
11	Syirkah Inan - Persyarikatan harta atau modal oleh dua orang atau lebih untuk menjalankan sesuatu perniagaan dan keuntungan dibahagi sesama mereka.
12	Syirkah Abdan - Persyarikatan antara dua orang atau lebih yang mengumpulkan hasil kerja atau pengupahan masing-masing dalam satu tabung kemudian dibahagikan sesama mereka tanpa mengambil kira modal yang dimasukkan ke dalam tabung tersebut dan usaha yang dijalankan.
13	Syirkah Mufawadiah - Persyarikatan yang mana ahli-ahli kongsi mestilah sama dari aspek jumlah sumbangan modal, jumlah agihan untung, urusan pengendalian syarikat dan pegangan agama.
14	Syirkah Wujuh - Persyarikatan yang terjadi kerana adanya kedudukan, profesionalisme, atau kepercayaan daripada pihak lain untuk memberi secara kredit kemudian menjualnya secara runcit.
15	Musyarakah Mutlaqah - Pemodal memberi modal kepada pengusaha tanpa ditentukan jenis usaha sama atau perniagaan.
16	Musyarakah Muqayyadah - Pemodal memberi modal kepada pengusaha dengan dihadkan kegiatannya sama ada masa, tempat tertentu dan jenis barang tertentu.
17	Wakaf - Sesuatu pemberian atau sumbangan ikhlas harta yang dimiliki untuk kepentingan dan kesejahteraan umum yang dibenarkan oleh syarak.
18	Sedekah - Pemberian sesuatu kepada mana-mana pihak dengan tujuan untuk mendapatkan pahala dan keredaan Allah SWT semata-mata.
19	Qardhul Hasan - Pinjaman yang diberikan atas semangat ihsan dan peminjam hanya dikehendaki membayar amaun yang dipinjam sahaja.
20	Hibah - Pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan.
21	Wadiyah Yad Dhamanah - Simpanan dengan jaminan di mana pihak yang memegang amanah boleh menggunakan wang tersebut dengan jaminan bahawa penyimpan akan mendapat kembali wang yang disimpannya.
22	Wadiyah Yad Amanah - Simpanan yang diberikan kepada mana-mana pihak dan penjaga tersebut hanya menjaga sahaja tidak dibenarkan menggunakanannya.
23	Sarf - Jual beli mata wang dengan mata wang lain termasuk emas dan perak
24	Murabahah - Penjualan barang pada harga kos ditambah margin keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
25	Bai' Bithamani Ajil - Penjualan barang berasaskan pembayaran tertangguh pada harga tertentu.
26	Bai' `Inah - Penjual menjual asetnya kepada pembeli dengan harga tangguh lebih

	tinggi, kemudian penjual membeli semula aset tersebut daripada pembeli dengan harga tunai yang lebih rendah. Keadaan sebaliknya juga boleh berlaku.
27	Salam - Kontrak jual beli barang pesanan yang disepakati butiran terperinci pada awal akad dan pembayaran penuh dibuat secara tunai manakala penyerahan barang ditangguhkan pada suatu masa yang ditetapkan.
28	Istisna' - Kontrak jual beli dalam bentuk pesanan pembuatan barang tertentu dengan spesifikasi dan syarat tertentu yang telah disepakati antara pemesan atau pembeli dan penjual, pengilang atau pemaju.
29	Takaful - Suatu skim yang berdasarkan prinsip ta'awun, jamin menjamin atau bantuan bersama. Ia memberikan perlindungan bersama aset dan harta serta menawarkan perkongsian risiko bersama sekiranya salah seorang ahlinya mengalami kerugian.
30	Kafalah - Kontrak jaminan yang diberikan oleh penanggung/penjamin kepada pihak ketiga untuk memenuhi kewajipan pihak kedua atau orang yang ditanggung.
31	Rahnu - Proses menyerahkan harta sebagai cagaran untuk mendapatkan hutang.
32	Hiwalah – Pemindahan hak atau hutang daripada tanggungan kepada tanggungan yang lain.
33	Al-Ijarah Thumma Bai - Sewa kemudian beli iaitu satu kontrak muamalat yang menggabungkan al-ijarah (sewa) dan al-bay' (jual beli).
34	Musyarakah Mutanaqisah - Suatu bentuk perkongsian apabila salah satu rakan kongsi berjanji untuk membeli bahagian pemilikan rakan kongsi yang lain sehingga ia memiliki sepenuhnya objek perkongsian.
35	Tawarruq - Transaksi jual beli komoditi atau aset berasaskan pembayaran tangguh secara Murabahah (iaitu harga kos aset ditambah dengan margin keuntungan) atau Musawamah (iaitu jual beli yang tidak mendedahkan harga kos aset dan margin keuntungan) daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi atau aset tersebut akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga (selain daripada penjual asal) bagi mendapatkan tunai.
36	Komoditi murabahah - Satu bentuk urusniaga jual beli yang melibatkan pembelian barang-barang atau komoditi tertentu pada harga kos campur margin keuntungan (Murabahah) yang telah disetujui oleh kedua belah pihak (penjual dan pembeli) dan kemudiannya, komoditi tersebut akan dijual semula kepada peniaga komoditi yang lain (pihak ketiga) dengan tujuan untuk memperoleh wang tunai.
37	Zakat pertanian - Zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada tanaman yang diusaha oleh orang Islam sama ada dalam bentuk biji-bijian atau buah-buahan dengan syarat-syarat tertentu.
38	Zakat perniagaan - Zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada yang melibatkan barang atau perkhidmatan
39	Zakat emas dan Perak - Zakat yang wajib dikeluarkan terhadap pemilikan emas dan perak..
40	Zakat penternakan - Zakat yang wajib dikeluarkan ke atas binatang-binatang yang diterbak daripada jenis lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan unta apabila sempurna syarat-syaratnya.

## KAEDAH PERMAINAN

Kaedah permainan kad ini diadaptasi dari permainan kad “Happy Family”. *Muamalat Playing Card* mempunyai 40 keping kad yang mewakili 12 keluarga atau kategori. Permainan Muamalat kad ini akan dimulakan dengan permainan kad yang melibatkan empat pemain (A, B, C dan D). Setiap pemain akan dibahagikan kad secara sama rata maka setiap pemain akan mendapat 10 kad setiap seorang. Giliran memulakan permainan dengan ditetapkan sendiri dalam kalangan pemain. Dicadangkan pemain yang memegang kad ‘Jahiliyyah’ untuk memulakan giliran permainan. Sebagai contoh pemain A memegang kad “Jahiliyyah” memulakan permainan, jika pemain A ingin melengkapkan keluarga Riba (atau mana-mana keluarga Muamalat kad) justeru pemain A tersebut perlu meminta kad daripada pemain B contohnya kad Riba ‘Nasi’ah’. Sekiranya pemain B mempunyai kad tersebut makan pemain B perlu menyerahkan kad tersebut kepada pemain A dan mengatakan “saya menyerahkan kad ini” dan pemain A menjawab “saya terima”. Sebaliknya jika pemain B tidak memiliki kad tersebut pemain B akan menyebut “maaf, kad tersebut tiada dengan saya”. Permainan akan diteruskan dengan pemain B dan pemain B boleh menanyakan kepada mana-mana pemain yang dirasakan mempunyai kad yang ingin dimiliki oleh pemain B. Apabila telah lengkap 1 keluarga maka kad keluarga tersebut akan diketepikan dan pemain akan menyebut “Muamalat ‘(kategori/keluarga)’ telah lengkap”. Pemenang akan ditentukan dengan pemain yang menghabiskan kad di tangan.

## PELUANG PERKOMERSILAN

Permainan kad ini mempunyai potensi untuk dipasarkan secara komersil di pasaran tempatan dan antarabangsa. Selain itu, permainan kad ini juga berupaya memberikan kefahaman berkaitan muamalat dengan berkesan. Aktiviti pembelajaran yang lebih menyeronokkan di samping berupaya mengubah tradisi kad poker kepada kad permainan yang lebih bermutu dan bermanfaat. Tambahan pula, kad permainan ini juga menyokong saranan SG4 (Sustainable Development Goal) yang berupaya meningkatkan kualiti pendidikan. Kad permainan ini juga mampu menjadi alat bantuan mengajar yang membolehkan pelajar memahami konsep ini dengan lebih mudah selain mampu menambah nilai bagi produk permainan sedia ada berkaitan muamalat.

## RUJUKAN

Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Farhan Md Ariffin, Nasibah Ramli. (2021). Isu Kontemporari Dalam Penyelidikan Islam. Penerbit UTM, Skudai.




## e-proceedings

International Teaching Aid  
**Competition 2023**

Reconnoitering Innovative Ideas in Postnormal Times

iTAC 2023

e ISBN 978-967-2948-51-3



9 789672 948513